

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
PERINGKAT IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BIL. 04 / 2007**

**Tarikh** : 30 NOVEMBER 2007

**Masa** : 9.15 pagi – 11.15 pagi

**Tempat** : Bilik Gerakan Menteri  
Aras 4, Blok E7, Parcel E,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

---

**HADIR**

**PIHAK PEGAWAI**

1. YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Mohd Nasir Bin Mohd Ashraf Pengerusi  
Ketua Setiausaha
2. Encik Mohamad Zabidi Bin Zainal  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
3. Puan Sabariah Binti Hassan  
Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
4. Encik Ng Swee Ting  
Setiausaha Bahagian Kewangan
5. Puan Noor Majidah Binti Wallad  
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Dr. Abdul Rasid Bin Kasri  
(Wakil Ketua Pengarah Kesihatan)
7. Encik Mohd Zamani Bin Harun  
(Wakil Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan)
8. Puan Aminah Binti Mohd. Nasir  
(Wakil Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi)

9. Puan Noorhaslinda Binti Halid  
( Wakil Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastaan)

## **URUS SETIA**

### **BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

1. Encik Sivanantham A/L Perianan  
Penolong Setiausaha Kanan (PP)
2. Encik Imran Bin Idris  
Penolong Setiausaha (PP) 1
3. Encik Md Aziman Bin Aziz  
Penolong Setiausaha (PP) 3

## **TURUT HADIR**

1. Encik Mohd Hussain Bin Che Mamat  
Ketua Penolong Setiausaha Kanan (PQ)  
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Dr. Sirajuddin Bin Hashim  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit
3. Encik Elangovan a/l Narayanan  
Penolong Setiausaha Kanan (Pengurusan Kewangan)  
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Cik Khadijah Binti Minhat  
Penolong Setiausaha Kanan (Kaunseling)  
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Puan Zaidah Binti Zakaria  
Bahagian Khidmat Pengurusan (Pengurusan Kewangan)

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

### **PIHAK PEGAWAI**

1. YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohd Ismail Merican                      Timb. Pengerusi  
Ketua Pengarah Kesihatan
2. YBhg. Dato' Ahmad Bin Haji Kabit  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
3. Puan Nor'aini Binti Abdul Wahab  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan
4. Puan Hasnah Binti Haji Salleh  
Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
5. Dr. Mokhtar Bin Mohd Yusof  
Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
6. Cik Chin Phaik Yoong  
Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastan

## **KEHADIRAN PIHAK PEKERJA**

1. Dr. Shamsaini Binti Shamsuddin Pengerusi MBJ  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari
2. Tuan Haji Zainal Bin Abdul Ghaffar Naib Pengerusi MBJ  
Penolong Pengarah Kesihatan Persekitaran  
Bahagian Kawalan Penyakit
3. Encik Unny Sankar a/l Ravi Sankar AJK MBJ  
Pegawai Tadbir & Diplomatik  
Bahagian Dasar Korporat dan Industri Kesihatan
4. Puan Nurulasmah Binti Mohamed AJK MBJ  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

### **Bahagian Sumber Manusia**

1. Cik Normaya Binti Nordin  
Penolong Setiausaha Kanan
2. Encik Che Azmi Bin Haji Saad  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan

### **Bahagian Kawalan Penyakit**

1. Haji Mohd Salihan Bin Dakun  
Pembantu Kesihatan Awam

### **Bahagian Khidmat Pengurusan**

1. Cik Nur Ain Binti Meskam  
Pustakawan
2. Encik Mohd Azri Bin Abdullah  
Pembantu Am Rendah
3. Puan Rasidah Binti Sudin  
Pembantu Tadbir Rendah (Operator Telefon)

### **Bahagian Akaun**

1. Encik Hamizul Fadzly Bin Abdul Hashim  
Pegawai Akauntan
2. Puan Rohaya Binti Malek  
Pembantu Tadbir Kewangan

### **Bahagian Perkhidmatan Farmasi**

1. Encik Mohd Hatta Bin Haji Ahmad  
Pegawai Farmasi
2. Encik Mohamad Bin Awang  
Pembantu Farmasi
3. Puan Maisarah Binti Ahmad  
Pembantu Tadbir Kanan

### **Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga**

1. Encik Mohd Lazim Bin Kadir  
Pembantu Perubatan

### **Bahagian Kesihatan Pergigian**

1. Encik Abdul Rahman Bin Jaafar  
Juruteknologi Pergigian

### **Bahagian Perkembangan Perubatan**

1. Dr. Asmah Binti Samat  
Pegawai Perubatan
2. Puan Nor Asmah Binti Zainol  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
3. Cik Vimalathevi Perumal  
Pembantu Tadbir (P/O)

### **Bahagian Amalan Perubatan**

1. Encik Ismail Bin A. Shukor  
Pegawai Optometri
2. Haji Muhamad Hakim Bin Hasim  
Pembantu Perubatan

### **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan**

1. Puan Norzifah Binti Abu Khair  
Pegawai Teknologi Makanan
2. Puan Meriam Binti Ali  
Penolong Pegawai Tadbir

### **Bahagian Telekesihatan**

1. Puan Norziah Binti Mahamud  
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)

### **Bahagian Pendidikan Kesihatan**

1. Puan Sa'adiyah Binti Ahmad  
Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)

### **Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari**

1. Cik Siti Ina Suhaida Binti Idris  
Penolong Pegawai Tadbir
2. Encik Azrul Nizam Bin Azhari  
Penolong Pegawai Tadbir
3. Cik Norjanah Binti Abdul Karim  
Pembantu Tadbir (P/O)

### **Cawangan Audit Dalam**

1. Puan Noraza binti Mohd Ariff  
Juruaudit
2. Encik Ayub Karim Bin Kasim  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

### **Pejabat Penasihat Undang-Undang**

1. Encik Noor Hisham Bin Ismail  
Penasihat Undang-Undang

### **Unit Perhubungan Awam**

1. Puan Jamilah Binti Mohd Shahid  
Pegawai Perhubungan Awam

### **Bahagian Kewangan**

1. Puan Haslina Binti Awang Din  
Penolong Pegawai Tadbir

## **PIHAK PEKERJA YANG TIDAK HADIR**

1. Cik Norhayati Binti Kassim  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Setiausaha Bersama MBJ
2. Cik Perada Wilson Putit  
Pegawai Sains (Kaji Serangga)  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Timb. Setiausaha MBJ
3. Puan Rosnah Binti Mohd Yusof  
Jururawat (Pengajar)  
Bahagian Pengurusan Latihan  
AJK MBJ
4. Tuan Haji Abdul Ghani Bin Yusof  
Pembantu Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
AJK MBJ

### **Bahagian Khidmat Pengurusan**

1. Tuan Haji Ibrahim Bin Hamzah  
Pemandu Kenderaan

### **Bahagian Perolehan dan Penswastan**

1. Puan Fazilah Binti Ahmat  
Pegawai Stor

### **Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan**

1. Puan Aminah Binti Tanggu  
Penolong Pegawai Tadbir

### **Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga**

1. Puan Fatimah Zurina Binti Mohamad  
Pegawai Sains (Zat Makanan)
2. Puan Habibah Binti Talib  
Jururawat

3. Puan Norizan Mashttah Binti Mardan  
Jururawat

#### **Bahagian Kesihatan Pergigian**

1. Dr. Natifah Binti Che Salleh  
Pegawai Pergigian
2. Puan Rohana Binti Mohamad Johari  
Ketua Penyelia Jururawat Pergigian

#### **Bahagian Telekesihatan**

1. Puan Hajjah Jamilah Binti Abdullah  
Ketua Jururawat

#### **Bahagian Pendidikan Kesihatan**

1. Encik Nor Bihisham Bin Johari  
Penyelenggara Stor

#### **Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari**

1. Cik Siti Ina Suhaida Binti Idris  
Penolong Pegawai Tadbir

#### **Bahagian Pembangunan Kompetensi**

1. Encik Abdul Hadi Bin Haji Salleh  
Ketua Penolong Setiausaha

#### **Bahagian Kejururawatan**

1. Puan Noraini Binti Abu Hassan  
Ketua Jururawat

## 1.0 UCAPAN ALU-ALUAN YBHG. DATO' SRI PENGERUSI

- 1.1 YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang hadir dan seterusnya memaklumkan :
  - 1.1.1 Negara kita telah dipilih oleh WHO sebagai *Global Service Centre*. Pihak WHO telah memindahkan Bahagian Kewangan dan Bahagian Sumber Manusia di Cybercaya. Negara kita juga terpilih sebagai pusat CODEX untuk Minyak dan Lemak. Ini merupakan pencapaian kepada kerajaan Malaysia dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.
  - 1.1.2 Mengalu-alukan dan ucapan selamat datang kepada TKSU (K) yang baru iaitu **Encik Mohamad Zabidi Bin Zainal** sebagai Ahli Pihak Pegawai yang baru dilantik pada 1 Julai 2007.
  - 1.1.3 Merakam ucapan terima kasih dan penghargaan kepada **Cik Hajjah Jama'ah Binti Hassan** bekas TKSU (K) iaitu Ahli Pihak Pegawai yang telah bersara wajib pada 17 Ogos 2007.
  - 1.1.4 Merakam ucapan tahniah kepada semua ahli mesyuarat kerana telah berjaya mengadakan mesyuarat MBJ sebanyak 4 kali setahun seperti yang telah diarahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
  - 1.1.5 Sepanjang tahun 2007 iaitu sebanyak 29 isu telah dibangkitkan dan sejumlah 13 isu telah berjaya diselesaikan sehingga mesyuarat MBJ Bil. 3/2007.
  - 1.1.6 Memohon ahli mesyuarat iaitu Wakil Pihak Pekerja supaya terus berkerjasama dengan Pihak Pengurusan untuk mencari penyelesaian dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan anggota-anggota di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

## 2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 03/2007

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 03/2007 disahkan tanpa sebarang pindaan.

### **3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

#### **3.1 Mesyuarat MBJ Sebagai Forum Perkongsian Ilmu (2/2007 – 4 Jun 2007)**

- 3.1.1** Mesyuarat dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi bahawa semua kakitangan awam hendaklah mengikuti kursus, latihan, seminar dan ceramah sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun.
- 3.1.2** Mesyuarat juga dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi bahawa kerajaan juga telah memutuskan sebanyak 1% daripada Anggaran Belanja Mengurus (ABM) hendaklah digunakan untuk latihan anggota. Kementerian Kesihatan Malaysia telah membelanjakan sebanyak 0.5% ABM tersebut pada tahun ini.
- 3.1.3** Mesyuarat mengambil maklum tentang satu taklimat ringkas mengenai "Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan" yang telah dibentangkan oleh Dr. Sirajuddin Bin Hashim dari Bahagian Kawalan Penyakit.

#### **Makluman**

#### **3.2 Keahlian dan Keanggotaan Wakil Pihak Pekerja Sesi 2008-2009 (3/2007 – 17 September 2007)**

- 3.2.1** Mesyuarat dimaklumkan oleh Wakil Pihak Pekerja bahawa sebanyak 90% Ahli Pihak Pekerja akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun 2007.

#### **Makluman**

- 3.2.2** Mesyuarat mengambil maklum saranan YBhg. Dato' Sri Pengerusi supaya memberi peluang kepada ahli baru untuk dilantik sebagai Ahli Pihak Pekerja untuk sesi 2008-2009 kerana mereka juga mempunyai hak untuk menganggotai Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan.
- 3.2.3** Mesyuarat juga dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi supaya merekod penghargaan kepada ahli-ahli MBJ Pihak Pekerja yang tidak dilantik pada sesi 2008-2009 diatas sumbangan mereka dalam Mesyuarat MBJ.

#### **Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

### **3.3 Ketidakselesaian Ruang Pejabat (3/2007 – 17 September 2007)**

- 3.3.1** Mesyuarat dimaklumkan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) sedang membuat analisis mengenai keperluan ruang pejabat tersebut. BKP sedang menunggu 4 Bahagian yang belum lagi mengemukakan permohonan tersebut daripada 22 Bahagian yang terlibat. Analisis awal menunjukkan sebanyak 10'623 meter persegi lagi diperlukan untuk menampung keperluan ruang pejabat semua Bahagian di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3.3.2** Mesyuarat mengambil maklum saranan YBhg. Dato' Sri Pengerusi yang memohon kerjasama Wakil Pihak Pekerja di Bahagian-Bahagian terlibat supaya memberi maklumat secepat mungkin kepada Bahagian Khidmat Pengurusan. Ini kerana proses perancangan mendapatkan ruang pejabat mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan & Wakil Pihak Pekerja**

### **3.4 Meningkatkan Imej Pegawai Khidmat Pelanggan KKM (3/2007 – 17 September 2007)**

- 3.4.1** Mesyuarat dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi bahawa masih terdapat pengawal keselamatan yang berada di kaunter terbabit. Mesyuarat juga mengambil maklum saranan YBhg. Dato' Sri Pengerusi supaya memastikan Pegawai Khidmat Pelanggan tidak berada terlalu ramai di kaunter. Pegawai Khidmat Pelanggan hendaklah memastikan profesionalisme dalam berkerja.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

## **4.0 ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PIHAK PEKERJA**

### **4.1 Kehadiran Ahli-Ahli Pihak Pekerja MBJ (4/2007 – 30 November 2007)**

**4.1.1** Mesyuarat dimaklumkan bahawa pindaan perlembagaan MBJ hendaklah dilakukan terlebih dahulu sebelum sebarang perubahan dikuatkuasakan. Wakil Pihak Pekerja hendaklah mengemukakan pindaan perlembagaan MBJ kepada pihak Urusetia MBJ untuk tindakan selanjutnya.

**4.1.2** Mesyuarat juga dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi yang bersetuju untuk memasukkan keahlian MBJ Ahli Pihak Pekerja didalam Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) supaya dapat memberi galakkan dan sumbangan yang lebih berkesan daripada Ahli Pihak Pekerja didalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan & Wakil Pihak Pekerja**

### **4.2 Penyelenggaraan Kerosakan (4/2007 – 30 November 2007)**

**4.2.1** Mesyuarat dimaklumkan bahawa masalah penyelenggaraan kerosakan tandas di Aras 3, Blok E10 telah dibaiki dan diselenggarakan oleh Pihak Kenangan Emas Sdn. Bhd.

**Makluman**

### **4.3 Kelewatan Penerimaan Pakaian Seragam (4/2007 – 30 November 2007)**

**4.3.1** Mesyuarat dimaklumkan oleh bahawa perkara ini akan diselesaikan selewat-lewatnya sebelum akhir tahun 2007. Bahagian ini telah memaklumkan kepada Pihak pembekal supaya mempercepatkan penghantaran kain tersebut.

**4.3.2** Mesyuarat juga dimaklumkan oleh bahawa tuntutan elaun jahitan akan dapat dilakukan apabila kain untuk menjahit pakaian seragam tersebut diterima pada bulan Disember 2007.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

#### **4.4 Penggunaan Alat Siar Raya (4/2007 – 30 November 2007)**

**4.4.1** YBhg. Dato' Sri Pengerusi meminta alat siar raya digunakan semimum yang mungkin. Penggunaan alat siar raya yang terlalu kerap akan mengganggu urusan mesyuarat dan seterusnya kualiti mesyuarat yang diadakan.

**4.4.2** YBhg. Dato' Sri Pengerusi juga meminta supaya mengamalkan penggunaan email untuk menghantar sebarang maklumat. Semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah sentiasa membuka email masing-masing. YBhg. Dato' Sri Pengerusi juga bersetuju supaya sebarang maklumat mengenai aktiviti Kementerian dimasukkan di dalam portal.

**Makluman**

#### **5.0 HAL – HAL LAIN**

##### **5.1 Takwim MBJ Pada Tahun 2008 (4/2007 – 30 November 2007)**

**5.1.1** Mesyuarat mengambil maklum mengenai takwim Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) tahun 2008. Takwim mesyuarat tersebut telah dimasukkan di dalam Takwim Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun 2008.

**Makluman**

##### **5.2 Tarikh Pelantikan MBJ Diseragamkan Antara Semua Ahli Pihak Pekerja (4/2007 – 30 November 2007)**

**5.2.1** Mesyuarat bersetuju tarikh pelantikan setiap Ahli Pihak Pekerja MBJ untuk sesi 2008 -2009 diseragamkan.

**Makluman**

### **5.3 Wakil Pihak Pekerja Yang Pasif (4/2007 – 30 November 2007)**

**5.3.1** Mesyuarat mengambil maklum akan teguran Wakil Pihak Pegawai mengenai Ahli Pihak Pekerja yang pasif di dalam mesyuarat. Wakil Pihak Pekerja diminta lebih aktif supaya mesyuarat yang diadakan lebih berkualiti dan berkesan.

**Tindakan : Wakil Pihak Pekerja**

### **6.0 Penangguhan Mesyuarat**

**6.1** Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Dato' Sri Pengerusi.

Disediakan Oleh:  
Urus Setia  
Cawangan Pengurusan Personel  
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Disemak Oleh,**

.....  
**(SIVANANTHAM PERIANAN)**

Setiausaha  
Majlis Bersama Jabatan  
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

**Disemak Bersama,**

.....  
**(DR. SHAMSAINI BINTI SHAMSUDDIN)**

Pengerusi Ahli Pihak Pekerja  
Majlis Bersama Jabatan  
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia